

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15/09/2017

Delegasi Malaysia berasa bangga bersama Najib

UM - 15/9/2017 pg. 2

KUALA LUMPUR 14 Sept. - Tiada perkataan yang dapat menggambarkan betapa bangganya delegasi Malaysia berada bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semasa lawatan kerja beliau ke Amerika Syarikat (AS) atas jemputan Presiden negara itu, Donald J. Trump.

Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman berkata, walaupun beliau pernah mengiringi Datuk Seri Najib menerusi beberapa lawatan dengan Raja, Presiden dan Perdana Menteri yang lain, namun lawatan kerja AS kali ini mungkin boleh disifatkan sebagai terbaik.

"Hanya jika rakyat Malaysia dapat melihat dengan sendiri kualiti yang dicapai dalam pertemuan tersebut hasil daripada pengendalian Perdana Menteri yang diberi penghormatan oleh Presiden AS dan delegasi beliau, akan membuatkan anda berasa bangga sebagai rakyat negara ini.

"Keadaan ini jarang berlaku atau sesuatu yang tidak pernah setakat

ini apabila tiga pegawai tertinggi AS dan ahli Kabinet kanan turut berada di sana. Trump bukanlah seperti yang digambarkan dalam

laporan berita, malah Trump menunjukkan beliau adalah seorang pemimpin sebuah negara berkuasa besar dan Perdana Menteri berjaya diberikan penghormatan oleh pemimpin tersebut," katanya dalam satu kenyataan.



ANIFAH AMAN

Jelas Anifah, Trump juga meminta pandangan Datuk Seri Najib berhubung isu serantau dan antarabangsa selain mengarahkan ahli Kabinetnya untuk mengikut pendekatan yang telah dilakukan oleh Malaysia.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri dan berasa syukur kerana diberi penghormatan untuk bersama beliau dalam hari bersejarah itu dan anda boleh melihat ia satu pertemuan yang bermakna kerana Presiden AS itu memberikan sepenuh perhatian kepada Datuk Seri Najib. - UTUSAN